merupakan hujah Peguam pemohon sahaja dan tidak dinyatakan di dalam afidavit abang pemohon.

Kedua, afidavit-afidavit Inspektor T. Raveendran dan Encik Supri bin Hashim jelas menyokong **hakikat** bahawa pemohon dieskot daripada Kuala Lumpur ke Pulau Pinang dan pemohon memang di dalam kawalan polis berterusan. Tanpa bukti sebaliknya di dalam afidavit abang pemohon, saya tidak mendapati apa-apa sebab yang cukup dan munasabah mengapa saya tidak menerima kenyataan bersumpah mereka itu.

Oleh itu, alasan kedua pemohon juga tidak dapat diterima dan ditolak.

Kajian terperinci telah dibuat ke atas segala afidavit-afidavit dan hujah-hujah yang dikepilkan dan diutarakan oleh kedua-dua pihak dan saya berpuashati bahwa penahanan pemohon adalah teratur dan sah, dan tidak bertentangan dengan apa-apa peruntukan Perlembagaan Persekutuan atau Ordinan 1969.

Oleh yang demikian, permohonan pemohon adalah ditolak.

UNITED MALAYAN BANKING CORPORATION BHD.

lwn.

WONG KAM HONG DAN SATU LAGI

MAHKAMAH TINGGI, MELAKA
DATO' HJ. ARIFIN BIN HJ. JAKA PK
[GUAMAN SIVIL NO. 22-117-1989]
19 JANUARI 1994

AMALAN DAN PROSEDUR: Kelewatan menetapkan kes untuk perbicaraan - Samada kelewatan manasabah - Samada defendan telah diprejudis - Samada kelewatan boleh membatalkan prosiding - Samada A. 34 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 tidak dipatuhi.

AMALAN DAN PROSEDUR: Bantahan terhadap kuasa Peguam untuk bertindak bagi pihak klien - Samada bantahan tidak terhad oleh jangka waktu - Beban bukti - Samada beban untuk membuktikan kewujudan locus standi terletak ke atas pihak yang dibantah - Samada Mahkamah mempunyai inherent jurisdiction untuk melayan bantahan pada bila-bila masa.

Ini adalah permohonan oleh defendan-defendan untuk mendapatkan perintah membatalkan writ saman dan penyata tuntutan plaintif atas alasan, pertama, bahawa peguam plaintif tidak mempunyai locus standi untuk bertindak bagi pihak plaintif kerana tidak dilantik dengan sempurnanya dan kedua, kerana plaintif telah gagal memfailkan penetapan perbicaraan dalam tempoh yang ditetapkan mengikut perintah Mahkamah bertarikh 1 September 1987 ekoran satu Saman Meminta Arahan yang dipohon oleh plaintif dan sekaligus gagal mematuhi peraturan-peraturan di bawah Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980.

Fakta kes menunjukkan bahawa Pengurus Cawangan plaintif di Melaka dalam afidavitnya telah mengikrarkan antara lain bahawa "The plaintiff had at the commencement of this action appointed Messrs. Nik Hussain & Partners as their solicitors and I hereby ratify the same". Defendan-defendan bagaimanapun menghujah bahawa kandungan afidavit ini tidak cukup untuk membuktikan bahawa Peguam plaintif mempunyai kuasa untuk bertindak bagi pihak plaintif. Fakta kes juga menunjukkan bahawa perintah Mahkamah bertarikh 1 September 1987 antara lain mengkehendakki plaintif memfailkan penetapan perbicaraan bagi

tindakan dalam tempoh 60 hari dari tarikh tersebut. Plaintif bagaimanapun gagal mematuhi arahan ini dan penetapan perbicaraan hanya difailkan pada 3 Ogos 1990 iaitu lebih kurang 3 tahun dari tarikh perintah Mahkamah tersebut.

Permohonan oleh defendan-defendan ini dibuat pada 4 September 1993 iaitu kira-kira 7 tahun selepas penutupan pliding. Antara persoalan yang timbul ialah:

(1) Samada Tetuan Nik Hussain & Partners dalam kes ini telah dilantik dengan sempurna dan dengan demikian mempunyai kuasa untuk bertindak bagi pihak plaintif.
(2) Samada kelewatan plaintif memfailkan penetapan perbicaraan dalam keadaan kes ini satu kelewatan yang manasabah dan boleh dimaafkan.

Diputuskan:

[1] Hujah defendan bahawa perlantikan Peguam oleh plaintif tidak sempurna kerana tidak mendapat ratification oleh Lembaga Pengarahnya adalah tidak berasas. Plaintif adalah sebuah institusi kewangan dan biasanya sebuah bank melantik peguam untuk bertindak bagi pihaknya dari panel Peguam yang disediakan mengikut kuasa-kuasa yang ditentukan oleh Lembaga Pengarahnya. Adalah satu perkara yang aneh dan menyulitkan jika setiap kali bank melantik Peguam untuk bertindak bagi pihaknya satu resolusi perlu diluluskan oleh bank itu. Tindakan sedemikian adalah tidak selari dengan amalan pentadbiran harian sesebuah bank. Oleh yang demikian adalah nyata bahawa Messrs. Nik Hussain & Partners dalam kes ini telah dilantik dengan sempurna oleh plaintif dan seterusnya mempunyai kuasa untuk menjalankan kes ini bagi pihak plaintif.

[2] Berdasarkan peristiwa dalam kes ini kelewatan plaintif dalam memfailkan penetapan perbicaraan adalah manasabah dan boleh dimaafkan. Kes ini telah dipindahkan ke Mahkamah Sesyen dan kemudiannya dipindahkan semula ke Mahkamah Tinggi atas permohonan defendan-defendan walau pun dibantah oleh plaintif. Sebaik sahaja kes ini dipindahkan ke Mahkamah Tinggi pada 16 Jun 1990, plaintif telah mengambil tindakan yang sewajarnya di bawah aturan-aturan di dalam Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 iaitu dengan memfailkan penetapan perbicaraan pada 3 Ogos 1990. Tindakan plaintif adalah mencerminkan tidak terdapat apa-apa kegagalan bagi pihak plaintif untuk mematuhi kehendak Kaedah-Kaedah tersebut yang boleh menyebabkan Mahkamah mengenepikan writ saman dan tuntutan pernyataan yang difailkan olehnya.

[3] Peguam defendan-defendan tidak membuat apa-apa bantahan berkaitan dengan perjalanan kes apabila ia mengambil alih sebagai peguam defendan-defendan pada 2 Julai 1988. Hanya lima tahun kemudian iaitu pada 9 September 1993 barulah permohonan sekarang dibuat. Jika peguam defendan benar-benar berpendapat bahawa plaintif tidak mematuhi mana-mana peraturan yang ditetapkan di bawah Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ia sepatutnya membuat bantahan semasa plaintif menyerahkan afidavit menentusahkan senarai dokumen (affidavit verifying list of documents) pada 13 June 1990 dan memfailkan permohonan untuk menetapkan perbicaraan. Tindakan sebegini adalah tindakan yang tidak bertanggungjawab dan merupakan satu langkah untuk melewatkan perbicaraan dan tidak boleh dibiarkan.

[Permohonan defendan ditolak].

Kes-kes yang dirujuk:

Syawal Enterprise Sdn. Bhd. & Anor. lwn. Dayadiri Sdn. Bhd. [1990] 2CLJ ***(diikuti)***
William "Jacks & Co(M) Sd. Bhd. lwn. Chemquip (M) Sdn. Bhd. & Anor [1991] 2 MLJ 555 ***(diikuti)***
Lim Heng Hoo lwn. Tan Hock Hai & Ors. [1974] 1 MLJ 101 ***(dirujuk)***
Thong Chuan Ching & Anor lwn. Toshiba Electronis Malaysia Sdn. Bhd. [1983] 1 MLJ 254 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980, A. 34

Bagi pihak plaintif - Shoba; T/n. Nik Hussain & Partners
Bagi pihak defendan - Tan Lip Yip; T/n. Tan Lip Yip & Co.

ALASAN PENGHAKIMAN

Hj. Arifin bin Hj. Jaka PK:

Ini adalah permohonan defendan-defendan menerusi Saman Dalam Kamar (kandunagn 33) yang dipinda untuk mendapatkan perintah membatalkan writ of summons dan penyata

tuntutan yang difailkan oleh plaintif terhadap defendan-defendan dibatalkan (struck off) atas alasan-alasan seperti berikut:

(a) Plaintif tidak mematuhi perintah yang dibuat pada 1 September 1987 di atas permohonan Saman Minta Arahan (kandungan 14) (Summons for Directions) dan Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 berkenaan penetapan perbicaraan (Setting Down The Action For Trial).
(b) Peguam plaintif tidak ada kuasa bertindak *(locus standi)* untuk memulakan tindakan (institute this action) terhadap defendan-defendan.

Saya tidak berhajat menghuraikan fakta kes dengan detail kerana permohonan ini adalah bagi membatalkan writ saman dan penyata tuntutan tetapi memadailah fakta dihuraikan sekadar mencukupi untuk permohonan ini dengan ringkas. Mengikut penyata tuntutan plaintif ialah sebuah bank yang menjalankan urusniaga di cawangannya di Melaka. Atas permohonan defendan-defendan plaintif telah memberi pinjaman sebanyak RM82,000 kepada mereka bagi membantu mereka menyelesaikan pembelian sebuat flat yang dikenali sebagai Blok A, Ground Floor (corner lot), Lorong Bukit Senjuang Melaka/Town Area XXXVII, Central District of Melaka Tengah. Setakat 31 Disember 1986 jumlah sebanyak RM90,482.72 termasuk faedah yang dikira sehingga dan termasuk tarikh ini masih belum dijelaskan dan terhutang oleh defendan-defendan kepada plaintif.

Plaintif failkan writ saman dan penyata tuntutan pada 10 Januari 1987 menuntut pembayaran sebanyak RM90,482.72 serta faedah di atas jumlah ini dengan kadar 13.5% setahun yearly rests dari tarikh 1 Januari 1987 sehingga diselesaikan. Plaintif failkan tindakan ini melaiui peguamnya iaitu Tetuan Nik Hussain & Partners beralamat No. 105A & B/ Taman Melaka Jaya, Melaka. Defendan-defendan telah failkan penyata pembelaan (statement of defence) dan tuntutan balas (counterclaim) pada 10 April 1987. Tidak perlulah dihuraikan pembelaan dan tuntutan balas ini ketika ini kerana tidak diperlukan bagi penghakiman permohonan ini. Perjalanan kes ini berjalan dengan licin dan segala prosidur di bawah Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 diikuti. Plaintif telah mengambil tindakan dan mendapatkan perintah Mahkamah melalui Saman Meminta Arahan di bawah kaedah 25 (Summons for Direction pursuant to O. 25). Perintah ini bertarikh 1 September 1987 dan dibuat tanpa bantahan dari pihak defendan-defendan.

Permohonan defendan-defendan bagi mendapatkan perintah membatalkan writ saman dan penyata tuntutan difailkan pada 4 September 1993 iaitu hampir tujuh tahun selepas tempoh penutupan pliding (close of pleadings). Afidavit defendan-defendan yang bertarikh 6 September 1993 bagi menyokong permohonan ini adalah ringkas dan mengatakan plaintif tidak mematuhi peraturan di bawah Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 berhubung dengan penetapan kes untuk dibicarakan (setting down case for trial) dan Notice of Intention to Proceed, Notice of Trial dan Bundle of Pleadings tidak difail dan diserahkan seperti yang ditetapkan di bawah Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980. Seterusnya Wong Kam Hong di perenggan 7 Afidavit Sokongan (Kandunga 34) mengatakan:

> 7. I am verily advised that the plaintiff's solicitors had no legal *locus standi* to institute this action against the defendants.

Semasa berhujah Peguam pemohon memberitahu Mahkamah dia hanya bergantung di atas perenggan 7 afidavit sokongan sebagai alasan utama permohonan ini. Seterusnya Peguam berhujah tidak ada jangka masa yang ditetapkan bagi defendan-defendan mempertikaikan sama ada Peguam bagi pihak plaintif ada kuasa bertindak (*locus standi*) dan bantahan terhadap perkara ini boleh dibuat di bila-bila masa dan beban bukti (burden of proof) bahawa tindakan Mahkamah dijalankan atas kuasa yang diberikan terletak di atas bahu plaintif. Rujukan dibuat kepada *Syawal Enterprise Sdn. Bhd. & Anor. lwn. Dayadiri Sdn. Bhd* [1990] 2 CLJ 297 iaitu satu kes di dalam mana defendan mencabar bahawa peguam plaintif pertama tidak ada kuasa bertindak bagi pihak plaintif pertama. Di muka surat 298 Hakim V.C. George menegaskan:

> The lack of authority of the solicitors to act can be challenged at any stage of the proceedings - See *Simmons v. Liberal Opinion Ltd.* [1911] 1 KB 966 followed in *Re L. Y. Swee & Co. Ltd.* [1968] 2 MLJ 104 at 107 and in *Chin Kok Kwong Const. Sdn. Bhd. v. Sunrise Towers Sdn. Bhd.* [1986] 41 at 42

Seterusnya Hakim menegaskan berkenaan kuasa memulakan tindakan Mahkamah seperti berikut:

> The challenge having been made the burden of proving that the suit had been instituted with proper authority rests on the plaintiff company. See *United Investment & Finance Ltd v. Tee Chin Yong & Ors.* [1967] 1 MLJ 31 at 35.

Peguam defendan-defendan juga merujuk kepada *William Jacks & Co. (M) Sdn. Bhd. lwn. Chemquip (M) Sdn. Bhd. & Anor* [1991] 2 MLJ 555 bagi menyokong hujahnya berkaitan dengan kuasa Peguam bertindak bagi pihak klien. Sehubungan dengan ini di muka surat 558 Gunn Chit Tuan Hakim Mahkamah Agung (ketika itu) berkata:

> Although the various dicta in the authorities as to the methods open to a defendant to contest the authority to bring an action are not altogether easy to reconcile or understand, we would agree that a challenge to the authority of solicitors may be made at any time and the Court in its inherent jurisdiction may entertain the challenge made orally and may order the action to be struck off if there was sufficient or admitted evidence that there is no action properly before it.

Peguam defendan-defendan juga menegaskan afidavit yang difailkan oleh Zulkifli bin Zakaria bertarikh 20 September 1993 bagi pihak plaintif tidak menjelaskan peguam plaintif ada kuasa bertindak bagi pihak plaintif. Encik Zulkifli pengurus plaintif di Cawangan Melaka mengatakan di perenggan 10 afidavit yang berkaitan berkata:

> 10. In reply to the second prayer of the said SIC and paragraph 7 of the said affidavit I will state that the allegations are baseless and totally without merit. The plaintiff had at the commencement of this action appointed Messrs. Nik Hussain & Partners as their Solicitors and I hereby ratify the same.

Peguam defendan-defendan berhujah apa yang dinyatakan oleh En. Zulkifli di perenggan 10 di atas tidaklah mencukupi bagi membuktikan perlantikan Messrs. Nik Hussain & Partners sebagai Peguam plaintif. Dia menekankan ratification hendaklah dibuat oleh Lembaga Pengarah (Board of Directors). Setelah meneliti fakta kes ini saya berpendapat hujah ini tidak berasas dan tidak boleh diterima. Plaintif dalam kes ini adalah sebuah institusi kewangan dan biasanya sebuah bank melantik Peguam untuk bertindak bagi pihaknya dari panel Peguam yang disediakan mengikut kuasa-kuasa yang ditentukan oleh pihak Lembaga Pengarahnya. Adalah satu perkara yang anih dan menyulitkan jika tiap-tiap kali bank melantik Peguam untuk bertindak bagi pihaknya satu resolusi perlulah diluluskan oleh Lembaga Pengarah bank itu dan tindakan sedemikian bagi pendapat saya tidak selari dengan amalan/pentadbiran harian sesebuah bank. Oleh yang demikian saya memutuskan Messrs. Nik Hussain & Partners telah dilantik dengan sempurnanya oleh plaintif sebagai Peguam bagi pihak plaintif dan seterusnya mempunyai kuasa menjalankan kes ini bagi pihak plaintif.

Sekarang saya balik semula kepada alasan pertama permohonan defendan-defendan. Alasan pertama permohonan defendan-defendan ialah plaintif tidak mematuhi perintah yang bertarikh 1 September 1987 yang dibuat atas Saman Minta Arahan dibawah Aturan 25 dan tidak mematuhi Aturan 34 (penetapan perbicaraan bagi tindakan yang dimulakan melalui writ). Peguam defendan-defendan berhujah plaintif tidak memfailkan penetapan perbicaraan bagi tindakan dalam tempoh 60 hari yang ditetapkan di dalam perintah Saman Minta Arahan. Peguam merujuk kes *Lim Heng Hoo lwn. Tan Hock Hai & Ors.* [1974] 1 MLJ 101 di mana permohonan defendan-defendan yang difailkan tujuh bulan selepas pliding ditutup untuk mendapatkan perintah membuang tindakan itu kerana ketiadaan pendakwaan. Di muka surat 102 Mahkamah menekankan:

> Shortly put, there was a prolonged and inexcusable delay. It only remains for consideration whether such delay has prejudiced the respondents.

Peguam defendan-defendan seterusnya menyatakan defendan-defendan telah diprejudis kerana kelewatan plaintif mengambil tindakan penetapan kes untuk dibicarakan: *Thong Chuan Ching & Anor. lwn. Toshiba Electronics Malaysia Sdn. Bhd.* [1983] 1 MLJ 254.

Di dalam kes yang dibicarakan ini plaintif telah failkan penetapan perbicaraan (request for setting down action for trial) pada 3 Ogos 1990 iaitu dalam masa lebihkurang tiga tahun dari tarikh yang ditetapkan di dalam perintah bertarikh 1 September 1987. Kelewatan ini di

dalam keadaan kes ini adalah munasabah dan boleh dimaafkan memandangkan peristiwa dalam perjalanan kes ini yang dinyatakan dengan jelas oleh Zulkifli bin Zakaria di perenggan 5 hingga 9 di dalam afidavit yag diikrarkan pada 20 September 1993. Dengan ringkas peristiwa perjalanan kes ini ialah saman dan penyata tuntutan difailkan di Mahkamah Tinggi pada 8 Januari 1987.

Peguam plaintif seterusnya mengambil tindakan mengikut aturan-aturan di dalam Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 sehinggalah mendapat perintah di dalam Saman Minta Arahan bertarikh 1 September 1987 yang kandungannya diserahkan kepada defendan-defendan pada 14 Oktober 1987. Perintah ini dibuat atas persetujuan kedua-dua pihak. Selepas dari itu kes ini dipindahkan ke Mahkamah Sesyen mengikut arahan yang terkandung di dalam Practice Direction No. 3/1987.

Di Mahkamah Sesyen beberapa tindakan susulan diambil oleh defendan-defendan. Defendan-defendan menukar Peguamnya dan melantik Tetuan Tan Lip Yip & Co. pada 2 Julai 1988. Pada 8 September 1988 perintah Mahkamah diperolehi atas permohonan defendan-defendan bagi meminda pembelaan (defence) dan tindakan balas (counterclaim). Kes ini dibicarakan di Mahkamah Sesyen pada 11 Januari 1989 dan ketika itu Peguam defendan-defendan memohon penangguhan atas alasan defendan-defendan ingin membuat permohonan untuk memindahkan kes ini ke Mahkamah Tinggi. Perintah memindahkan kes ini ke Mahkamah Tinggi diperolehi pada 4 Mei 1989.

Sebaik sahaja kes ini dipindahkan ke Mahkamah Tinggi pada 16 Jun 1990 plaintif mengambil tindakan yang sewajar, dan perlu di bawah aturan-aturan di dalam Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 iaitu pada 3 Ogos 1990 memfailkan penetapan perbicaraan (Request for Setting the Action for Trial).

Setakat ini satu perkara yang patut diambil perhatian ialah Peguam defendan-defendan tidak pernah membuat apa-apa bantahan berkaitan dengan perjalanan kes apabila ia mengambil alih sebagai Peguam defendan-defendan pada 2 Julai 1988 sehinggalah lima tahun kemudian pada 9 September 1993 di mana saman dalam kamar iaitu permohonan sekarang, difailkan untuk mengenepikan writ saman dan penyata tuntutan. Jika Peguam defendan-defendan benar-benar berpendapat bahawa plaintif tidak mematuhi mana-mana peraturan yang ditetapkan di bawah Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 kenapa tidak buat bantahan semasa plaintif menyerahkan afidavit menentusahkan senarai dokumen (affidavit verifying list of documents) pada 13 Jun 1990 dan memfailkan permohonan untuk menetapkan perbicaraan.

Pada pendapat saya tindakan sedemikian ini merupakan tindakan yang tidak bertanggungjawab dan boleh ditafsirkan sebagai langkah untuk melewat-lewatkan perbicaraan dan jika sikap dan perbuatan demikian dibiarkan menular ia akan menjejaskan usaha Mahkamah untuk menyelesaikan perbicaraan dengan kadar segera dan menjejaskan pentadbiran keadilan (administration of justice).

Berdasarkan susunan peristiwa di dalam kes ini dan memandangkan kes ini telah dipindahkan ke Mahkamah Sesyen dan kemudian dipindahkan semula ke Mahkamah Tinggi atas permohonan defendan-defendan walaupun dibantah oleh plaintif maka saya berpendapat tindakan plaintif adalah mencerminkan bahawa plaintif telah mematuhi aturan-aturan di dalam Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1990.

Akhirnya sehubungan dengan permohonan defendan-defendan perlu bagi saya menyentuh Aturan 2 (kesan kerana ketidakpatuhan) yang mengatakan kegagalan untuk mematuhi kehendak-kehendak kaedah-kaedah ini, sama ada berkenaan dengan masa, tempat, cara, bentuk atau isi kandungan atau dalam apa-apa jua segi lain sama ada kegagalan itu disebabkan oleh apa-apa perkara yang dilakukan atau tidak dilakukan maka kegagalan itu hendaklah dikira sebagai luar aturan dan tidaklah membatalkan prosiding itu. Mahkamah boleh di atas kegagalan yang sedemikian seperti yang disebutkan dan atas apa-apa terma tentang kos atau selainnya sebagaimana yang difikirkan adil, mengenepikan sama ada keseluruhan atau sebahagian prosiding yang di dalamnya kegagalan itu berlaku.

Setelah meneliti hujah-hujah oleh kedua-dua pihak dan dengan mengambilkira pliding-pliding dan afidavit yang difailkan saya puas hati bahawa tidak terdapat apa-apa kegagalan bagi pihak plaintif untuk mematuhi kehendak-kehendak Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 yang boleh menyebabkan Mahkamah mengenepikan writ saman dan tuntutan penyataan yang difailkan oleh plaintif.

Oleh yang demikian atas alasan-alasan yang disebutkan di atas saya menolak permohonan defendan-defendan dengan kos.